

Phang: PKFZ diurus dengan telus

Oleh AINUL ASNIERA AHSAN

KUALA LUMPUR 12 Ogos - Pembangunan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), yang merupakan salah sebuah projek nasional melibatkan pembiayaan besar kerajaan telah diurus dengan telus dan bertanggungjawab.

Pengerusi PKFZ, Datin OC Phang (gambar) berkata, setiap inci perkembangan yang berlaku dalam PKFZ diaudit dan dilaporkan kepada kerajaan.

“Perkembangan di PKFZ juga dimaklumkan kepada Pihak Berkuasa Pelabuhan Kelang (PKA) yang bertanggungjawab terhadap pengurusan dan pembangunan zon perdagangan bebas itu,” katanya kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

Sehubungan itu, beliau menafikan dakwaan berlaku penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan pembaziran wang kerajaan dalam membangunkan dan menguruskan PKFZ.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar *The Business Times Singapore* (BT), baru-baru ini yang mendakwa kononnya PKFZ kini menghadapi kemelut dan terpaksa menanggung kos yang besar bagi membangunkannya, menyebabkan Kerajaan Malaysia terpaksa melaksanakan usaha bagi menyelamatkannya.

BT turut melaporkan kononnya kos

pembangunan PKFZ kini telah melonjak kepada RM4.63 bilion daripada kos asal, yang berjumlah RM1.08 bilion.

Phang berkata, ini bukan pertama kali PKFZ difitnah.

“Sejak ia dibangunkan pada 2004, pelbagai tohmahan dan kritikan telah dilemparkan kepada pengurusannya, terutama oleh media negara jiran dan semua laporan tersebut adalah tidak benar,” katanya.

BT juga mendakwa berikutan kos yang tinggi itu, Kuala Dimensi, sebuah syarikat swasta yang dilantik oleh PKA bagi memajukan PKFZ telah menerbitkan beberapa bon bernilai RM4 bilion bagi membiayai kos membangunkannya.

BT melaporkan pembayaran pertama bagi bon-bon itu berjumlah RM510 juta dijadual dibuat pada tahun ini, sementara pembayaran seterusnya akan dibuat antara tahun depan dan 2010.

New Straits Times pada hari Sabtu turut melaporkan bahawa PKFZ telah mendapat kritikan hebat daripada pengusaha-pengusaha sektor logistik yang menyifatkan PKFZ sebagai projek ‘gajah putih’.



Ketika mengulas lanjut mengenai laporan kedua-dua akhbar itu, Phang berkata, akhbar tersebut tidak mengetahui butiran terperinci mengenai projek PKFZ termasuk nilai kos yang terlibat.

Katanya, ia merupakan projek kerajaan Pusat dan Kerajaan tidak pernah menyembunyikan nilai sebenar kos pembangunan PKFZ.

Menurutnya, perbelanjaan sebanyak RM4 bilion bagi membangunkan PKFZ adalah termasuk RM1 bi-

lion bagi membeli tanah untuk projek tersebut.

Selain itu, katanya, jumlah yang diberikan oleh kerajaan itu bukan merupakan satu skim menyelamat tetapi ia merupakan dalam bentuk pinjaman mudah.

Phang menyifatkan laporan tersebut bertujuan menjejaskan reputasi zon bebas berkenaan.

“Kita sedang agresif memasarkan PKFZ di serata dunia, tetapi kalau kita asyik diasak dengan perkara-perkara negatif, sedikit sebanyak ia boleh menjejaskan PKFZ,” katanya.

Phang bagaimanapun berkata, perkara itu tidak akan menghalang usaha PKFZ untuk memasarkan zon bebas itu di pe-

ringkat antarabangsa.

“Usaha memasarkan PKFZ akan diteruskan bagi memastikan PKFZ muncul sebagai zon perindustrian dan komersial terkemuka di dunia, sekali gus menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi negara pada masa depan,” tambah beliau.

Ketika ditanya mengenai pengunduran pengendali zon bebas terkemuka dunia di Dubai, Jebel Ali Free Zone (Jafza) daripada menguruskan PKFZ, Phang berkata, tindakan itu tidak menjejaskan PKFZ, kerana Malaysia mempunyai kepakaran yang cukup bagi membangunkan zon bebas itu.

“Kita telah membuktikan bahawa pakar-pakar kita sebelum ini mampu membangunkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Pelabuhan Barat dan Pelabuhan Selatan dengan cara kita sendiri,” katanya.

Katanya, pengunduran Jafza adalah kerana ia tidak mampu memberi komitmen kepada PKFZ seperti dalam kontrak yang ditandatangani pada Oktober 2004 untuk mengurus dan memasarkan PKFZ dalam tempoh 15 tahun.

Selain itu, katanya, sejak menguruskan PKFZ, Jafza telah tiga kali menukar wakilnya.

“Mereka (Jafza) sebenarnya tidak mampu membantu kita, ... jadi daripada asyik mereka menukar orang, adalah lebih baik mereka berundur,” ujarnya.